

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008

KANDUNGAN	MS
Laporan pengarah	1 - 9
Penyata pengarah	10
Akuan berkanun	10
Laporan juruaudit	11
Kunci kira-kira	12
Kunci kira-kira dana hayat	13
Penyata pendapatan	14
Akaun hasil insurans hayat	15
Penyata perubahan ekuiti	16
Penyata aliran tunai	17 – 18
Nota kepada penyata kewangan	19 – 67

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka bersama penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008.

KEGIATAN UTAMA

Syarikat terlibat terutamanya dalam perniagaan pengunderaitan insurans hayat, termasuk insurans berkaitan pelaburan. Tiada sebarang perubahan ketara dari segi bentuk perniagaan yang dilaksanakan dalam tahun kewangan yang dilaporkan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM'000
Untung bersih tahun kewangan	<u>1,033</u>

DIVIDEN

Tiada dividen dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak 31 Mac 2007. Para Pengarah tidak mengesyorkan sebarang dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pindahan penting kepada atau daripada rizab pada tahun kewangan didedahkan dalam penyata kewangan.

PERUNTUKAN BAGI TUNTUTAN BELUM DIJELASKAN

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat dibuat, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk menentukan bahawa peruntukan sewajarnya telah dibuat bagi tuntutan yang ditanggung, termasuk Tuntutan Ditanggung tetapi Tidak Dilaporkan ("IBNR").

PERUNTUKAN HUTANG LAPUK DAN RAGU

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan penghapusan hutang lapuk dan peruntukan hutang ragu dan berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan sewajarnya telah dibuat bagi hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak sedar tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan jumlah yang dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah elaun bagi hutang ragu dalam Syarikat menjadi tidak mencukupi dalam jumlah yang ketara.

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

ASET SEMASA

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa aset semasa yang tidak mungkin direalisasikan dalam urusan perniagaan biasa, yang nilainya ditunjukkan dalam rekod perakaunan Syarikat, telah diturunkan nilai kepada jumlah yang mungkin boleh direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak sedar tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan nilai yang diberikan kepada aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat menjadi mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak sedar tentang sebarang keadaan yang menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Syarikat yang sedia ada menjadi mengelirukan atau tidak sesuai.

LIABILITI LUAR JANGKAAN DAN LAIN-LAIN LIABILITI

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang gadaian ke atas aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain, atau
- (b) sebarang liabiliti luar jangkaan berkaitan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Tiada liabiliti luar jangkaan atau liabiliti lain Syarikat telah berkuat kuasa atau mungkin berkuat kuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang pada pendapat para Pengarah, menjejaskan dengan ketara keupayaan Syarikat menunaikan kewajipannya apabila matang.

Untuk tujuan perenggan ini, liabiliti luar jangkaan atau liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang timbul daripada kontrak atau insurans yang diunderait dalam urusan perniagaan biasa Syarikat.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak sedar tentang sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan menjadi mengelirukan.

PERKARA LUAR BIASA

Para pendapat para Pengarah, Keputusan kendalian Syarikat pada tahun kewangan tidak terjejas oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang penting atau luar biasa.

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

PERKARA LUAR BIASA (SAMBUNGAN)

Dalam tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa yang pada pendapat para Pengarah, menjejaskan keputusan kendalian Syarikat secara ketara bagi tempoh di mana laporan ini dibuat.

TADBIR URUS KORPORAT

(a) Kepentingan dan komitmen

Syarikat, di bawah kepimpinan Lembaga Pengarah ("Lembaga"), mengambil langkah yang perlu untuk memastikan bahawa amalan korporat dan pengurusan adalah konsisten dengan keperluan perundangan dan piawaian amalan terbaik di bawah JPI/GPI 25: Rangka Kerja Berhemat Tadbir Urus Korporat bagi Penanggung Insurans ("Rangka Kerja") yang dikeluarkan pada 10 Mei 2000 oleh Bank Negara Malaysia ("BNM"). JPI 13/2007 yang dikeluarkan pada 19 Mei 2007 menyokong rangka kerja ini dengan menyediakan garis panduan dan langkah tambahan yang perlu diguna pakai oleh penanggung insurans. Dasar Syarikat ialah untuk mencapai amalan terbaik dalam piawaian integriti perniagaan bagi semua kegiatan di seluruh Syarikat dan melaksanakan tadbir urus korporat yang baik, yang diiktiraf secara sepenuhnya oleh Lembaga sebagai salah satu daripada tanggungjawab utamanya.

(b) Isu dan aspek utama

Unsur penting tadbir urus korporat yang terkandung dalam Rangka Kerja ini ialah:

- i. Lembaga yang berkesan dan seimbang dilantik menerusi prosedur pelantikan yang ditentukan lebih awal;
- ii. Imbuan eksekutif yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Imbuan yang menarik dan mengekalkan kakitangan yang diperlukan untuk mengendalikan Syarikat;
- iii. Sistem kawalan dalaman yang mantap yang melindungi aset dan pelaburan Syarikat serta mengenal pasti dan menguruskan risiko perniagaan.

Komitmen syarikat kepada piawaian tadbir urus korporat merangkumi perkara berikut:

- i. Lembaga mempunyai campuran Pengarah bebas dan bukan bebas. Lembaga terdiri daripada 8 pengarah bukan eksekutif dengan pengalaman luas, dengan 4 daripada mereka ialah Pengarah bukan eksekutif bebas yang mempunyai keupayaan sewajarnya untuk membantu Lembaga membuat keputusan bijak. Peranan Pengarah bukan eksekutif penting untuk memastikan bahawa strategi yang disyorkan oleh pengurusan dibincangkan dan dikaji sepenuhnya, dan mengambil kira kepentingan jangka panjang pelbagai pihak berkepentingan. Lembaga melantik pengarah baru atas cadangan Jawatankuasa Pencalonan.
- ii. Imbuan eksekutif ditetapkan oleh Jawatankuasa Imbuan. Matlamat dasar imbuan eksekutif Syarikat ialah untuk memberi ganjaran kompetitif kepada kakitangan, selepas mengambil kira prestasi individu, prestasi syarikat, perbandingan pasaran dan persaingan dalam industri insurans tempatan. Pakej imbuan dikaji semula setiap tahun dan merangkumi gabungan unsur gaji pokok dan ganjaran berasaskan prestasi.

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(b) Isu dan aspek utama (sambungan)

iii. Lembaga bertanggungjawab terhadap sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko Syarikat, dan meninjau keberkesanan sistem ini yang dirangka untuk menguruskan dan bukannya menghapuskan risiko kegagalan untuk mencapai objektif perniagaan. Untuk mencapai matlamat ini, perkara berikut dilaksanakan:

- penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko, yang memantau dan memberikan hala tuju keseluruhan dalam usaha menguruskan risiko;
- sistem kawalan kewangan dan perniagaan yang menyediakan laporan berkala oleh Ketua Pegawai Kewangan ("CFO") dan Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") Lembaga;
- tinjauan kawalan dalaman secara berkala oleh jabatan audit dalaman Syarikat; dan
- tinjauan keberkesanan proses kawalan dalaman oleh Jawatankuasa Audit bagi pihak Lembaga.

(c) Tanggungjawab Lembaga

Lembaga bertanggungjawab secara mutlak terhadap hala tuju strategik Syarikat dan memantau prestasi Syarikat. Tumpuannya termasuk:

- i. Strategi
- ii. Pembangunan
- iii. Nilai pemegang saham
- iv. Pemantauan dan kawalan
- v. Tadbir urus korporat

(d) Penyediaan maklumat

Semua Pengarah akan diberikan agenda di mesyuarat dan ahli Lembaga hadir lebih awal dalam tempoh sewajarnya sebelum mesyuarat Lembaga. Tujuannya ialah untuk membolehkan Pengarah mendapatkan penjelasan lanjut, di mana perlu, agar mempunyai maklumat secukupnya sebelum mesyuarat. Jika dan apabila perlu, Lembaga, sebagai langkah selanjutnya dalam menjalankan tugas mereka dengan sempurna, boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atas perbelanjaan Syarikat. Semua Pengarah boleh mendapatkan nasihat dan menggunakan perkhidmatan Setiausaha Syarikat.

Para Pengarah yang memegang jawatan dalam tempoh sejak tarikh laporan terakhir adalah seperti berikut:

Ahli Lembaga

YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail (Pengerusi)
Lee Chin Yong (Timbalan Pengerusi)
Yeong Chee Wah
Lee Siang Korn @ Lee Siang Chin
Chan Kok Seong
Dato' Dr. Mohd. Shahari bin Ahmad Jabar
Khalid bin Abdol Rahman (dilantik pada 07 Disember 2007)
Toi See Jong (dilantik pada 07 Disember 2007)
Kwok Chong See (meletakkan jawatan pada 31 Julai 2007)
Hasni bin Harun (meletakkan jawatan pada 07 Disember 2007)

Kategori Pengarah

Pengarah bebas
Pengarah bukan bebas
Pengarah bebas
Pengarah bebas
Pengarah bukan bebas
Pengarah bebas
Pengarah bukan bebas
Pengarah bukan bebas
Pengarah bukan bebas
Pengarah bukan bebas

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(d) Penyediaan maklumat (sambungan)

Mesyuarat Lembaga dan kehadiran bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008 adalah seperti berikut:

<u>Pengarah</u>	<u>Bil. Mesyuarat Lembaga</u>	
	<i>Diadakan</i>	<i>Dihadiri</i>
YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail	6	6
Lee Chin Yong	6	6
Dato' Dr. Mohd Shahari bin Ahmad Jabar	6	6
Lee Siang Korn @ Lee Siang Chin	6	6
Yeong Chee Wah	6	6
Chan Kok Seong	6	6
Khalid bin Abdol Rahman (dilantik pada 07 Disember 2007)	6	2
Toi See Jong (dilantik pada 7 Disember 2007)	6	2
Hasni bin Harun (meletakkan jawatan 07 Disember 2007)	6	4
Kwok Chong See (meletakkan jawatan pada 31 Julai 2007)	6	1

(e) Pelantikan/pelantikan semula Pengarah

Pelantikan dan pelantikan semula Pengarah adalah berasaskan Tataurusuan Pertubuhan Syarikat. Semua Pengarah yang dilantik oleh Lembaga perlu dipilih semula pada tahun berikutnya, dan seterusnya satu pertiga daripada Pengarah (iaitu yang paling lama memegang jawatan) hendaklah bersara atau dilantik semula.

(f) Latihan Pengarah

Para Pengarah digalakkan menghadiri program pendidikan berterusan dan seminar untuk mengikuti perkembangan terkini dalam industri. Syarikat telah menetapkan mekanisme bagi semua Pengarah untuk mengikuti perkembangan terkini dari segi perubahan dan penetapan peraturan dan keperluan undang-undang baru dari masa ke masa. Syarikat juga menyimpan rekod program latihan Pengarah dan kehadiran mereka dalam program tersebut.

(g) Penyata tanggungjawab Pengarah berkaitan dengan penyata kewangan

Akta Syarikat 1965 mensyaratkan para Pengarah untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan, yang disediakan menurut piawai perakaunan diluluskan MASB di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian dan untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang keadaan urusan Syarikat pada akhir tahun kewangan dan keputusan aliran tunai Syarikat dalam tahun kewangan.

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(g) Penyata tanggungjawab Pengarah berhubung dengan penyata kewangan (sambungan)

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah:

- mengguna pakai dasar perakaunan yang sewajarnya dan menggunakannya secara konsisten;
- membuat pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan teliti;
- memastikan bahawa semua piawaian perakaunan yang berkenaan telah dipatuhi; dan
- menyediakan penyata kewangan atas dasar usaha berterusan kerana para Pengarah mempunyai jangkaan munasabah, selepas membuat penyiasatan sewajarnya, bahawa Syarikat mempunyai sumber secukupnya untuk terus beroperasi setakat tempoh yang boleh ditinjau pada masa depan.

Para Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Syarikat menyimpan rekod perakaunan, yang mendedahkan dengan kadar ketepatan yang sewajarnya, tentang kedudukan kewangan Syarikat dan memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi Akta Syarikat 1965.

Para Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan untuk mengambil langkah melindungi aset Syarikat dan mencegah dan mengesan penipuan dan penyelewengan.

(h) Laporan kewangan

Dengan membentangkan penyata kewangan tahunan, matlamat Lembaga ialah memberikan penilaian yang seimbang dan boleh dipercayai tentang kedudukan dan prospek Syarikat.

(i) Jawatankuasa Lembaga

Lembaga telah memberikan tanggungjawab tertentu kepada enam jawatankuasa lembaga (Audit, Imbuan, Pencalonan, Pengurusan Risiko, Eksekutif dan Pelaburan), yang butirannya didedahkan di bawah. Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk mengkaji isu tertentu dan melaporkan kembali kepada Lembaga dengan cadangan mereka. Namun begitu, tanggungjawab mutlak bagi segala hal terletak di tangan Lembaga.

(j) Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit dipengerusikan oleh Dato' Mohd. Shahari bin Ahmad Jabar dan dianggotai dua Pengarah lain, iaitu YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail dan Yeong Chee Wah.

Jawatankuasa Audit mengkaji dasar perakaunan Syarikat, sistem kawalan dalaman, laporan daripada juruaudit dalaman dan luaran Syarikat dan menentukan tindakan sewajarnya yang diambil oleh pihak pengurusan. Rumusannya dilaporkan kepada Lembaga, yang bertanggungjawab terhadap sistem kawalan dalaman Syarikat.

Jawatankuasa Audit juga mempertimbangkan pematuhan berkanun dan amalan piawaian terbaik Syarikat dan mengemukakan cadangan kepada Lembaga tentang pendedahan yang sewajarnya dalam laporan ini. Ia juga mengkaji prestasi juruaudit luar Syarikat setiap tahun untuk memastikan hubungan yang objektif, profesional dan berkesan dari segi kos. Syarikat juga mencadangkan kepada Lembaga, yuran perkhidmatan audit juruaudit luar.

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(k) Jawatankuasa Imbuan

Jawatankuasa Imbuan terdiri daripada empat Pengarah dan dipengerusikan oleh Lee Siang Korn @ Lee Siang Chin. Ahli lain ialah Lee Chin Yong, Khalid bin Abdol Rahman dan Toi See Jong (dilantik 07 Disember 2007).

Jawatankuasa Imbuan menetapkan dasar imbuan bagi Pengarah, CEO dan eksekutif kanan yang bertanggungjawab kepada Lembaga. Secara khususnya, Jawatankuasa Imbuan memberi persetujuan tentang kontrak perkhidmatan/pekerjaan, gaji, manfaat lain, termasuk bonus dan penyertaan dalam pelan insentif jangka panjang lain Syarikat dan terma dan syarat perkhidmatan/pekerjaan lain Syarikat.

Jawatankuasa ini juga mempersetujui syarat bagi menamatkan perkhidmatan/pekerjaan, meluluskan perubahan dalam pelan insentif jangka panjang Syarikat, mencadangkan kepada Lembaga rancangan yang memerlukan kelulusan pemegang saham dan memantau operasi mereka.

Imbuan Pengarah dan CEO

Imbuan agregat Pengarah dan imbuan CEO didedahkan dalam Nota 18 kepada penyata kewangan, yang memenuhi keperluan minimum JPI: 32/2003.

(l) Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan yang ditubuhkan pada Julai 2003, dipengerusikan oleh Lee Siang Korn @ Lee Siang Chin dan terdiri daripada Lee Chin Yong, Dato' Dr. Mohd. Shahari bin Ahmad Jabar and Khalid bin Abdul Rahman dan Toi See Jong (dilantik pada 07 Disember 2007). Jawatankuasa Pencalonan mencadangkan kepada Lembaga pelantikan semua Pengarah dan meninjau dari masa ke masa profil kemahiran dan ciri yang diperlukan daripada Pengarah secara keseluruhan untuk memastikan keseimbangan antara kepakaran dan keupayaan yang sewajarnya. Profil ini digunakan untuk menilai kesesuaian calon yang dikemukakan oleh Pengarah dan pemegang saham.

(m) Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko, yang ditubuhkan pada Julai 2003, dipengerusikan oleh Yeong Chee Wah, dan turut dianggotai Lee Chin Yong, Chan Kok Seong dan Khalid bin Abdol Rahman (dilantik 07 Disember 2007). Peranan Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah:

- untuk meninjau pembangunan keupayaan dan risiko pelaksanaan budaya risiko yang boleh diterima bagi Syarikat;
- mengkaji kecukupan usaha mengenal pasti, menilai, mengawal dan menguruskan risiko di seluruh kumpulan dan menilai keberkesannya dari masa ke masa;
- Mengkaji pembangunan dasar dan prosedur risiko, dan memantau dan mengkaji keberkesannya.
- Mengawasi pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko secara konsisten dengan objektif pengurusan risiko keseluruhan Syarikat

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(n) Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa Eksekutif, yang ditubuhkan pada Mac 2003, dipengerusikan oleh Lee Ching Yong dan terdiri daripada Chan Kok Seong, Khalid bin Abdol Rahman dan Toi See Jong (dilantik pada 07 Disember 2007) dan CEO, Ooi Say Teng. Ia mengkaji perkara yang berkaitan dengan operasi Syarikat dan diberi kuasa yang relevan oleh Lembaga untuk membuat keputusan dengan cekap dan berkesan.

(o) Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Lee Siang Korn @ Lee Siang Chin dan terdiri daripada Lee Chin Yong, Chan Kok Seong dan Khalid bin Abdol Rahman (dilantik pada 07 Disember 2007). Jawatankuasa Pelaburan diberi kuasa oleh Lembaga untuk membantu Lembaga dan pihak pengurusan dalam bidang pelaburan Syarikat. Mesyuaratnya juga dijadualkan diadakan seiring dengan mesyuarat Lembaga. Jawatankuasa hendaklah melaporkan kepada Lembaga, keputusan, pemerhatian dan cadangan berkaitan kegiatan pelaburan Syarikat untuk pertimbangan dan pengesahan mereka.

KEPENTINGAN SAHAM PENGARAH

Menurut daftar pegangan saham, tiada Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai sebarang kepentingan dalam saham Syarikat atau saham, opsyen atas saham dan debentur syarikat berkaitannya dalam tahun kewangan.

MANFAAT PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada perjanjian dibuat di mana Syarikat merupakan satu pihak di dalamnya dengan matlamat atau objektif untuk membolehkan Pengarah Syarikat memperoleh manfaat menerusi pemerolehan saham atau debentur Syarikat, atau mana-mana badan korporat lain selain daripada opsyen ke atas saham yang diberikan oleh DRB-HICOM Berhad, iaitu syarikat pegangan induk, kepada Pengarah Syarikat di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan syarikat pegangan induk.

Sejak akhir tahun kewangan lepas, tiada Pengarah Syarikat telah menerima atau layak menerima sebarang manfaat (selain daripada yuran Pengarah seperti yang ditunjukkan dalam penyata kewangan) atas sebab kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah merupakan seorang ahli, atau dengan syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan besar.

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

SYARIKAT PEGANGAN INDUK

Pengarah menganggap DRB-HICOM Berhad, sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia, sebagai syarikat pegangan induk.

JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan tugas.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi mereka bertarikh 23 Jun 2008.

YAM TAN SRI DATO' SERI SYED ANWAR JAMALULLAIL
PENGERUSI

CHAN KOK SEONG
PENGARAH

Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan

No. Syarikat

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

**PENYATA PENGARAH MENURUT
SEKSYEN 169 (15) AKTA SYARIKAT 1965**

Kami, YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail dan Chan Kok Seong, selaku dua daripada Pengarah, menyatakan bahawa pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 12 hingga 67 telah disediakan untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang keadaan urusan Syarikat pada 31 Mac 2008 dan keputusan dan aliran tunai Syarikat bagi tempoh kewangan berakhir pada tarikh tersebut, menurut Piawaian Perakaunan Diluluskan MASB di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian dan peruntukan Akta Syarikat 1965.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi mereka bertarikh 23 Jun 2008.

YAM TAN SRI DATO' SERI SYED ANWAR JAMALULLAIL
PENGERUSI

CHAN KOK SEONG
PENGARAH

Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan

**AKUAN MENURUT
SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT 1965**

Saya, Ho Teck Seng, selaku pegawai yang terutamanya bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan Uni.Asia Life Assurance Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 12 hingga 67 pada pendapat saya adalah betul dan saya membuat perakuan ini sesungguhnya dengan kepercayaan bahawa ia adalah benar dan memenuhi peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ho Teck Seng

Ditandatangani dan diperakui sesungguhnya oleh penama di atas, Ho Teck Seng di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, Malaysia pada 23 Jun 2008, di hadapan saya.

PESURUHJAYA SUMPAH

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI
UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(No. Syarikat 277714 A)

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 12 hingga 67. Penyata kewangan ini adalah tanggungjawab para Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk memberikan pendapat berkecuali tentang penyata kewangan berdasarkan audit kami dan melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan menjalankan audit untuk mendapat jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan yang dibentangkan bebas daripada kesilapan yang ketara. Sesuatu audit merangkumi pemeriksaan, secara ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Audit juga melibatkan penilaian prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh pengarah, dan juga penilaian pembentangan keseluruhan penyata kewangan. Kami percaya audit kami memberikan asas yang munasabah untuk memberikan pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan telah disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Piawaian Perakaunan Diluluskan MASB di Malaysia bagi Entiti Selain daripada Entiti Persendirian untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang:
 - (i) perkara yang perlu diteliti dan dihuraikan dalam penyata kewangan di bawah Seksyen 169 Akta Syarikat 1965; and
 - (ii) keadaan urusan Syarikat pada 31 Mac 2008 dan keputusan dan aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut;

dan

- (b) rekod perakaunan dan rekod lain serta daftar yang perlu disimpan mengikut Akta tersebut oleh Syarikat dan anak syarikatnya telah disimpan yang betul mengikut peruntukan Akta.

PRICEWATERHOUSECOOPERS
(No. AF: 1146)
Akauntan Berkanun

SRIDHARAN NAIR
(No. 2656/05/10 (J))
Rakan Kongsi Firma

Kuala Lumpur
23 Jun 2008

UNI ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

KUNCI KIRA-KIRA
PADA 31 MAC 2008

	Nota	2008 RM'000	2007 RM'000
ASET			
Aset dana pemegang saham			
Harta, loji dan kelengkapan	3	1,782	1,800
Pelaburan	7	35,573	41,913
Aset cukai tertunda	14	3,839	4,578
Pinjaman	9	2,000	-
Penghutang	10	55,929	50,786
Tunai dan setara tunai	11	1,925	232
Cukai boleh diperolehi kembali		65	686
Jumlah aset dana pemegang saham		101,113	99,995
Jumlah aset dana hayat (ms 13)		1,342,205	1,177,930
JUMLAH ASET		1,443,318	1,277,925
LIABILITI			
Liabiliti dana pemegang saham			
Pemiutang	13	379	294
Liabiliti cukai tertunda	14	-	116
Jumlah liabiliti dana pemegang saham		379	410
Jumlah liabiliti dana hayat (ms 13)		91,389	87,241
Jumlah dana pemegang polisi Hayat	15	1,250,816	1,090,689
		1,342,584	1,178,340
EKUITI PEMEGANG SAHAM			
Modal saham	16	125,000	125,000
Kerugian terkumpul		(24,873)	(25,906)
Rizab penilaian semula		607	491
		100,734	99,585
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI PEMEGANG SAHAM		1,443,318	1,277,925

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

KUNCI KIRA-KIRA DANA HAYAT
PADA 31 MAC 2008

	Nota	2008 RM'000	2007 RM'000
ASET			
Harta, loji dan kelengkapan	3	15,544	15,604
Aset tak ketara	4	216	288
Hartanah pelaburan	5	8,200	8,200
Prabayar sewa tanah	6	262	265
Pelaburan	7	842,941	826,699
Aset dipegang untuk jualan	8	-	9,000
Pinjaman	9	58,855	16,390
Aset cukai tertunda	14	904	-
Penghutang	10	21,137	16,806
Tunai dan setara tunai	11	20,850	9,297
Cukai boleh diperolehi kembali		376	-
Aset dana berkaitan pelaburan	22	<u>372,920</u>	<u>275,381</u>
JUMLAH ASET DANA HAYAT		<u>1,342,205</u>	<u>1,177,930</u>
LIABILITI			
Peruntukan bagi tuntutan tertunggak	12	10,594	10,015
Pemiutang	13	79,636	71,982
Cukai semasa belum bayar		-	2,368
Liabiliti cukai tertunda	14	-	1,284
Liabiliti dana berkaitan pelaburan	22	<u>1,159</u>	<u>1,592</u>
Jumlah liabiliti dana hayat		<u>91,389</u>	<u>87,241</u>
DANA PEMEGANG POLISI HAYAT			
Akaun hasil insurans hayat		1,241,251	1,081,124
Rizab penilaian semula		<u>9,565</u>	<u>9,565</u>
Jumlah dana pemegang polisi hayat	15	<u>1,250,816</u>	<u>1,090,689</u>
JUMLAH LIABILITI DANA HAYAT DAN DANA PEMEGANG POLISI HAYAT		<u>1,342,205</u>	<u>1,177,930</u>

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008

	Nota	2008 RM'000	2007 RM'000
Hasil kendalian	17	<u>372,607</u>	<u>367,277</u>
Dana pemegang saham:			
Pendapatan pelaburan	19	1,434	1,637
(Perbelanjaan) / pendapatan kendalian lain – bersih	20	(4,164)	3,155
Perbelanjaan pengurusan	18	<u>(498)</u>	<u>(419)</u>
(Kerugian) / keuntungan sebelum cukai		(3,228)	4,373
Pemindahan lebih daripada Dana Hayat		<u>5,000</u>	<u>-</u>
Untung selepas pemindahan lebih		1,772	4,373
Cukai	21	<u>(739)</u>	<u>(1,466)</u>
Untung bersih bagi tahun kewangan		<u>1,033</u>	<u>2,907</u>
Pendapatan sesaham (sen)	23	<u>0.83</u>	<u>2.33</u>

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan Malaysia)

AKAUN HASIL INSURANS HAYAT
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008

	Nota	2008 RM'000	2007 RM'000
Premium kasar		323,100	324,261
Insurans semula		<u>(6,038)</u>	<u>(5,474)</u>
Premium bersih		<u>317,062</u>	<u>318,787</u>
Manfaat kasar dibayar dan perlu dibayar			
Kematian		(9,970)	(8,395)
Kematangan		(2,631)	(1,668)
Serahan		(100,274)	(59,983)
Lain-Lain		(8,907)	(7,488)
Kutipan insurans semula		<u>1,825</u>	<u>1,937</u>
		<u>(119,957)</u>	<u>(75,597)</u>
		197,105	243,190
Komisen dan perbelanjaan agensi		(24,015)	(20,225)
Perbelanjaan pengurusan	18	<u>(27,995)</u>	<u>(24,117)</u>
		145,095	198,848
Pendapatan pelaburan	19	42,504	37,344
(Perbelanjaan) / pendapatan kendalian lain – bersih	20	<u>(3,959)</u>	<u>36,580</u>
Lebihan sebelum cukai		183,640	272,772
Cukai	21	<u>(3,604)</u>	<u>(5,092)</u>
Lebihan selepas cukai		180,036	267,680
(Defisit) / lebihan daripada dana berkaitan pelaburan	22	<u>(14,909)</u>	<u>10,911</u>
		165,127	278,591
Dana pemegang polisi hayat pada awal tahun kewangan		1,081,124	802,533
Pemindahan lebihan kepada dana pemegang saham		<u>(5,000)</u>	<u>-</u>
Dana pemegang polisi hayat pada akhir tahun kewangan		<u>1,241,251</u>	<u>1,081,124</u>

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008

	Saham biasa diterbitkan dan berbayar penuh RM1 sesaham		Rizab penilaian semula belum diagih RM'000	Kerugian terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
	Bilangan saham	Nilai nominal RM'000			
Pada 1 April 2007	125,000	125,000	491	(25,906)	99,585
Untung bersih tahun kewangan	-	-		1,033	1,033
Untung bersih tidak diiktiraf dalam penyata kewangan:					
- pembalikan cukai tertunda atas lebihan penilaian semula	-	-	116	-	116
	-	-	116	-	116
Pada 31 Mac 2008	125,000	125,000	607	(24,873)	100,734
Pada 1 April 2006	125,000	125,000	206	(28,813)	96,393
Untung bersih tidak diiktiraf dalam penyata kewangan:					
- lebihan penilaian semula hartanah loji dan peralatan	-	-	390	-	390
- liabiliti cukai tertunda atas lebih penilaian semula	-	-	(105)	-	(105)
	-	-	285	-	285
Untung bersih bagi tahun kewangan	-	-	-	2,907	2,907
Pada 31 Mac 2007	125,000	125,000	491	(25,906)	99,585

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008

	2008	2007
	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN KENDALIAN		
Untung bersih tahun kewangan	1,033	2,907
Pelarasan untuk:		
Lebihan dana hayat selepas cukai	165,127	278,591
Untung nilai saksama atas hartanah	-	(719)
Susut nilai harta, loji dan kelengkapan	1,546	1,703
Pelunasan aset tak ketara	72	72
Pelunasan prabayar pajakan tanah	3	2
Rugi/(untung) atas jualan hartanah, loji dan peralatan	91	(55)
Pertambahan diskaun selepas menolak pelunasan premium	(2,680)	(2,951)
Pendapatan pelaburan	(46,827)	(40,065)
Untung daripada pelupusan pelaburan	(26,140)	(33,886)
Pemindahan lebihan daripada Dana Hayat	(5,000)	-
Peruntukan bagi / (masuk kira semula) pengurangan nilai pelaburan	31,265	(7,409)
Kenaikan / (penurunan) nilai pelaburan dalam dana berkaitan pelaburan	25,716	(5,113)
Untung atas tukaran asing tidak terealisasi (Masuk kira semula) / peruntukan bagi hutang ragu	(303)	-
Hutang lapuk dihapus kira	(8)	55
Belanja cukai	46	-
	<u>3,244</u>	<u>7,434</u>
Untung kendalian sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti kendalian	147,185	200,566
Pembelian pelaburan	(741,548)	(594,002)
Hasil daripada pelupusan pelaburan	441,588	374,346
Peningkatan hutang belum terima	(44,465)	(776)
Pengurangan/(peningkatan) deposit tetap dan panggilan	172,692	(33,350)
(Peningkatan)/pengurangan penghutang	(13,126)	12,016
Peningkatan peruntukan tuntutan belum jelas	579	2,057
Peningkatan pemiutang	7,263	8,590
Pendapatan faedah diterima	35,569	30,810
Pendapatan dividen diterima	6,172	7,055
Pendapatan sewa diterima	1,180	381
	<u>13,089</u>	<u>7,693</u>
Tunai dihasilkan daripada kendalian	13,089	7,693
Cukai pendapatan dibayar	(7,396)	(3,089)
	<u>5,693</u>	<u>4,604</u>
Tunai bersih digunakan dalam kendalian	5,693	4,604

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan Malaysia)

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)**

	Nota	2008 RM'000	2007 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN			
Hasil daripada pelupusan hartanah pelaburan		9,000	-
Pembelian harta, loji dan kelengkapan		(1,559)	(573)
Pembelian aset tak ketara		-	(360)
Hasil daripada pelupusan hartanah, loji dan Peralatan		-	71
		<hr/>	<hr/>
Tunai dihasilkan daripada / (digunakan dalam) kegiatan pelaburan		7,441	(862)
		<hr/>	<hr/>
PENINGKATAN BERSIH TUNAI DAN SETARA TUNAI DALAM TAHUN KEWANGAN			
		13,134	3,742
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN			
		<hr/>	<hr/>
		9,776	6,034
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN			
	11	<hr/>	<hr/>
		22,910	9,776

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008

1 KEGIATAN UTAMA

Syarikat terlibat terutamanya dalam perniagaan pengunderaitan insurans hayat termasuk perniagaan berkaitan pelaburan. Tiada perubahan ketara dalam jenis kegiatan ini pada tahun kewangan.

Syarikat ini ialah sebuah syarikat awam berhad yang ditubuhkan dan berdomisil di Malaysia. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Tingkat 9, Menara Uni.Asia, 1008, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur.

Tempat perniagaan utama Syarikat terletak di 16, Jalan Tun Tan Siew Sin, 50050 Kuala Lumpur.

Syarikat pegangan dan induknya ialah Uni.Asia Capital Sdn Bhd dan DRB-HICOM Berhad, yang kedua-duanya ditubuhkan di Malaysia.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk penerbitan oleh Lembaga menurut satu resolusi Pengarah bertarikh 23 Jun 2008.

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten untuk menangani perkara yang dianggap penting berhubung dengan penyata kewangan..

2.1 Asas persediaan

Penyata kewangan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya dalam dasar perakaunan di bawah dan mematuhi Piawaian Laporan Kewangan ("FRS"), Piawaian Perakaunan Diluluskan MASB di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian, dan peruntukan Akta Syarikat 1965, Akta Insurans 1996 dan Garis Panduan dan Pekeliling Berkaitan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dalam segala hal yang penting.

Penyediaan penyata kewangan untuk mematuhi FRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan penting tertentu yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangkaan pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan perbelanjaan dalam tahun kewangan yang dilaporkan. Para Pengarah juga perlu menggunakan budi bicara mereka dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan Syarikat. Walaupun anggaran ini adalah berasaskan pengetahuan dan tindakan terbaik Pengarah tentang keadaan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza.

Bidang yang memerlukan tahap pertimbangan atau membabitkan tahap kerumitan lebih tinggi atau bidang yang mempunyai anggaran dan andaian yang penting kepada penyata kewangan didedahkan dalam Nota 2.3.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

Piawaian yang berkuatkuasa dan berkaitan dengan kendalian Syarikat

Piawaian perakaunan baru yang berkuatkuasa dan berkaitan dengan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008 adalah seperti berikut:

FRS 117	Pajakan
FRS 124	Pendedahan Pihak Berkaitan

Semua perubahan dalam dasar perakaunan telah dibuat menurut peruntukan sementara dalam piawaian berkenaan. Tiada perubahan ketara dibuat dalam dasar perakaunan Syarikat yang timbul daripada penggunaan piawaian perakaunan baru tersebut.

Piawaian dan pindaan kepada piawaian diterbitkan yang berkuatkuasa tetapi tidak berkaitan dengan operasi Syarikat

Piawaian perakaunan baru dan pindaan kepada piawaian terbitan yang berkuatkuasa tetapi tidak berkaitan dengan operasi Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008 adalah seperti berikut:

FRS 6	Penerokaan dan Penilaian Sumber Mineral
-------	---

Pindaan kepada FRS 119²⁰⁰⁴ Manfaat Kakitangan – Keuntungan dan Kerugian Aktuari, Rancangan dan Pendedahan Kumpulan

Piawaian dan pindaan kepada piawaian diterbitkan dan tafsiran yang berkenaan dengan Syarikat tetapi belum lagi berkuatkuasa

FRS 112 – Cukai Pendapatan (berkuatkuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007). Piawaian disemak semula ini menepikan syarat yang melarang pengiktirafan cukai tertunda atas elaun pelaburan semula tidak digunakan atau elaun lain yang melebihi elaun modal. Pindaan ini tidak relevan kepada Syarikat kerana syarikat tidak mempunyai elaun pelaburan semula atau elaun lain yang melebihi elaun modal.

FRS 120 – Perakaunan bagi Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan (berkuatkuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007). Piawaian yang disemak semula ini membenarkan kaedah alternatif bagi mencatatkan geran kerajaan bukan kewangan pada nilai nominal semasa pengiktirafan asal. FRS 120 tidak berkaitan dengan Syarikat kerana Syarikat tidak menerima sebarang geran atau bantuan kerajaan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

Piawaian dan pindaan kepada piawaian diterbitkan dan tafsiran yang berkenaan dengan Syarikat tetapi belum lagi berkuatkuasa (sambungan)

Piawaian lain yang disemak semula (berkuatkuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007) yang tidak mempunyai perubahan besar berbanding piawaian asal:

FRS 107 – Penyata Aliran Tunai
FRS 110 – Kontrak Pembinaan
FRS 118 – Hasil
FRS 134 – Laporan Kewangan Interim
FRS 137 – Peruntukan, Liabiliti Luar Jangkaan dan Aset Luar Jangkaan

FRS 110 dan 134 yang disemak semula adalah tidak relevan kepada Syarikat dan Syarikat akan mengguna pakai FRS 107, 118 dan 137 yang disemak semula mulai 1 April 2008.

Pindaan kepada FRS 121 – Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Asing – Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing (berkuatkuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007). Pindaan ini memerlukan perbezaan tukaran atas butiran wang yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing diiktiraf dalam ekuiti dan bukannya dalam penyata pendapatan walau apa pun mata wang sebutan bagi butiran ini. Pindaan ini tidak berkaitan dengan Syarikat kerana Syarikat tidak mempunyai pelaburan dalam operasi asing.

Tafsiran IC 1 – Perubahan dalam Penyahgunaan, Pemulihan Sedia Ada dan Liabiliti Serupa (berkuatkuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007). Tafsiran ini menangani perubahan dalam anggaran masa dan jumlah aliran keluar sumber untuk menjelaskan tanggungan atau perubahan kadar diskaun. Tafsiran IC ini tidak berkaitan dengan Syarikat.

Tafsiran IC 2 – Bahagian Ahli dalam Entiti Koperasi dan Entiti Serupa (berkuatkuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007). Tafsiran ini adalah berkenaan dengan klasifikasi liabiliti atau ekuiti instrumen kewangan, yang memberikan hak kepada pemegangnya untuk meminta instrumen ditebus, tetapi tertakluk kepada had sama ada ia akan ditebus. Tafsiran IC ini tidak berkaitan dengan Syarikat.

Tafsiran IC 5 – Hak kepada Kepentingan yang timbul daripada Dana Penyahgunaan, Pemulihan dan Pemuliharaan Alam Sekitar (berkuatkuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007). Tafsiran ini adalah berkenaan dengan catatan akaun pencarum bagi kepentingan yang timbul daripada dana penyahgunaan. Tafsiran IC ini tidak berkaitan dengan Syarikat.

Tafsiran IC 6 – Liabiliti yang timbul daripada Penyertaan dalam Pasaran Khusus – Peralatan Elektrik dan Elektronik Buangan (berkuatkuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007). Tafsiran ini memberikan panduan tentang pengiktirafan dalam penyata kewangan pengeluar, mengenai liabiliti bagi pengurusan bahan buangan di bawah Arahan Kesatuan Eropah berkaitan dengan jualan peralatan isi rumah lama. Tafsiran IC ini tidak berkaitan dengan Syarikat.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

Piawaian dan pindaan kepada piawaian diterbitkan dan tafsiran yang berkenaan dengan Syarikat tetapi belum lagi berkuatkuasa (sambungan)

Tafsiran IC 7 – Mengguna Pakai Pendekatan Penyataan Semula di bawah FRS 129 Laporan Kewangan dalam Ekonomi Hiperinflasi (berkuatkuasa bagi tempoh perakaunan pada atau selepas 1 Julai). Tafsiran ini memberikan panduan tentang cara mengguna pakai keperluan FRS 129 dalam tempoh laporan di mana sesuatu entiti mendapati terdapat kewujudan hiperinflasi di dalam ekonomi mata wang fungsian, apabila ekonomi tersebut tidak mengalami hiperinflasi pada tempoh sebelumnya. Tafsiran IC ini tidak relevan kepada Syarikat.

Tafsiran IC 8 – Skop FRS 2 (berkuatkuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007). Tafsiran ini menjelaskan bahawa FRS 2 Bayaran Berasaskan Saham berkuatkuasa walaupun sekiranya tiada barangan dan perkhidmatan khusus yang dikenal pasti. Tafsiran IC ini tidak berkaitan dengan Syarikat.

Penggunaan piawaian dan tafsiran di atas yang berkaitan dengan Syarikat dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009 dijangka tidak memberikan kesan penting terhadap penyata kewangan.

Piawaian yang diluluskan dan dikeluarkan oleh MASB tetapi tarikh kuat kuasanya masih belum ditentukan

FRS 139 – Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Ukuran (tarikh kuat kuasa masih belum ditentukan oleh MASB). Piawaian baru ini menetapkan prinsip bagi mengiktiraf dan mengukur aset kewangan, liabiliti kewangan dan sesetengah kontrak untuk membeli dan menjual barang bukan kewangan. Perakaunan lindung nilai hanya dibenarkan di bawah syarat ketat sahaja. Syarikat akan mengguna pakai piawaian ini apabila dikuatkuasakan. Syarikat telah mengguna pakai peruntukan sementara dalam FRS 139 yang mengecualikan entiti daripada mendedahkan kesan yang mungkin berlaku dengan penggunaan awal piawaian ini terhadap penyata kewangan Syarikat.

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting

(a) Harta, loji dan kelengkapan

Harta, loji dan kelengkapan pada mulanya dinyatakan pada kos. Tanah dan bangunan kemudiannya dinyatakan pada nilai saksama, berasaskan penilaian berkala, atau sekurang-kurangnya setiap tiga tahun, oleh jurunilai bebas luar, ditolak susut nilai dan kerugian kemerosotan nilai yang berlaku selepas itu. Sebarang susut nilai terkumpul pada tarikh penilaian semula ditolak daripada nilai dibawa kasar aset dan jumlah bersih dinyatakan semula sebagai jumlah dinilai semula bagi aset. Semua harta, loji dan kelengkapan lain dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai terkumpul. Kos termasuk belanja yang dikaitkan secara langsung kepada pemerolehan aset berkenaan.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

(a) Harta, loji dan kelengkapan (sambungan)

Kos seterusnya dimasukkan dalam nilai dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, yang mana sesuai, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan aset tersebut akan diperoleh. Kumpulan dan kos aset tersebut boleh dinilai dengan cara yang boleh dipercayai. Nilai dibawa alat ganti tidak lagi diiktiraf. Semua kerja pembaikan dan penyenggaraan lain dimasukkan dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil dalam tahun kewangan di mana ia ditanggung.

Lebihan yang timbul daripada penilaian semula dikreditkan kepada rizab penilaian semula. Sebarang defisit yang timbul daripada penilaian semula dimasukkan sebagai caj dalam rizab penilaian semula setakat mana terdapat lebihan masa lepas yang dipegang dalam rizab penilaian bagi aset tersebut. Dalam semua kes lain, pengurangan nilai dibawa dimasukkan sebagai caj dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

Tanah hak milik kekal tidak disusut nilai kerana mempunyai hayat guna kekal. Hartanah, loji dan peralatan dan kelengkapan disusut nilai atas dasar garis lurus untuk menghapus kira kos aset, atau jumlah dinilai semula masing-masing kepada nilai baki, sepanjang tempoh hayat guna jangkaan, seperti berikut:

Bangunan hak milik kekal	50 – 70 tahun
Kenderaan motor	7 tahun
Perabot, lekapan, kelengkapan dan alatan pejabat	3 – 5 tahun

Nilai baki dan hayat guna dikaji dan dilaraskan jika sesuai, pada setiap tarikh kunci kira-kira.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Syarikat menilai sama ada terdapat sebarang tanda kemerosotan nilai. Sekiranya tanda tersebut wujud, analisis akan dilakukan untuk mengkaji sama ada nilai dibawa aset boleh diperolehi secara sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat jika nilai dibawa melebihi jumlah yang boleh diperolehi. Sila lihat Nota 2(e) dasar perakaunan mengenai kemerosotan nilai aset.

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan hasil dengan nilai dibawa dan dimasukkan dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil. Apabila aset dinilai semula dilupuskan, rizab penilaian semula berkaitan dengan aset tersebut dipindahkan kepada untung tertahan dan/atau lebihan tidak diperuntukkan.

(b) Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan, yang terdiri terutamanya daripada tanah dan bangunan pejabat, dipegang untuk hasil sewa atau kenaikan modal atau kedua-dua sekali dan tidak diduduki oleh Syarikat.

Deleted: ¶

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

(b) Hartanah pelaburan (sambungan)

Hartanah pelaburan pada mulanya dinyatakan pada kos dan seterusnya dibawa pada nilai saksama. Nilai saksama adalah berasaskan harga pasaran aktif, dilaraskan, jika perlu, bagi sebarang perbezaan dalam jenis, lokasi atau keadaan aset khusus. Jika maklumat ini tidak boleh didapati, Syarikat menggunakan kaedah penilaian alternatif seperti harga terbaru dalam pasaran kurang aktif atau unjuran aliran tunai terdiskaun. Nilai saksama hartanah pelaburan dikaji secara tahunan, dan satu penilaian formal oleh jurunilai profesional bebas dibuat setiap tiga tahun atau lebih awal, jika nilai dibawa hartanah pelaburan berbeza secara ketara daripada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama dicatatkan dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil sebagai sebahagian daripada pendapatan lain.

Selepas hartanah pelaburan dilupuskan, atau apabila ia tidak digunakan lagi secara kekal dan tiada manfaat ekonomi dijangka diperolehi daripada pelupusannya, ia seharusnya tidak lagi diiktiraf (dihapus kira daripada kunci kira-kira). Perbezaan antara hasil kutipan bersih dan nilai dibawa diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil dalam tempoh tamat penggunaan atau pelupusan.

(c) Pelaburan

(a) Perniagaan tidak berkaitan pelaburan:

Sekuriti Kerajaan Malaysia dan sekuriti hutang korporat, seperti yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, dinyatakan pada kos yang dilaraskan bagi pelunasan premium atau pertambahan diskaun, dikira atas dasar pulangan efektif sepanjang tempoh dari tarikh pembelian ke tarikh matang, kecuali apabila terdapat tanda kemerosotan nilai, pelaburan diturunkan nilai kepada nilai boleh realis bersih. Pelunasan premium dan pertambahan diskaun diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

Pelaburan yang disebut harga dinyatakan pada kos atau nilai pasaran, yang mana lebih rendah, ditentukan atas dasar portfolio agregat bagi setiap kategori pelaburan, kecuali apabila pengurangan nilai pelaburan tidak dianggap sebagai sementara, peruntukan khusus akan dibuat bagi nilai pelaburan tersebut. Nilai pasaran ditentukan dengan merujuk kepada harga penutup Bursa Saham pada tarikh kunci kira-kira.

Pelaburan tidak disebut harga dinyatakan pada kos dan peruntukan bagi sebarang pengurangan nilai dibuat apabila, pada pendapat Pengarah, terdapat pengurangan selain daripada penyusutan sementara dalam nilai pelaburan tersebut. Apabila terdapat pengurangan selain daripada penyusutan sementara dalam nilai pelaburan, kemerosotan tersebut diiktiraf sebagai belanja dalam tahun kewangan di mana pengurangan tersebut dikenal pasti.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

(c) Pelaburan (sambungan)

(b) Perniagaan berkaitan pelaburan:

Pelaburan yang disebut harga bagi perniagaan berkaitan pelaburan ditandakan ke pasaran pada tarikh penyata aset dan liabiliti.

Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia, sekuriti hutang lain yang tidak disebut harga dan deposit tetap dan panggilan bagi perniagaan berkaitan pelaburan dinilai pada kos dilaraskan bagi pelunasan premium atau pertambahan diskaun berbanding nilai par pada masa pemerolehan menggunakan kaedah hasil pulangan efektif. Nilai dibawa bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia, sekuriti hutang lain yang tidak disebut harga dan deposit tetap dan panggilan seterusnya dinilai semula untuk mencerminkan nilai saksama menggunakan petunjuk harga pasaran yang disebut harga oleh institusi kewangan.

Amanah saham dinyatakan pada harga yang disebutkan oleh syarikat pengurusan masing-masing.

Pelaburan berstruktur ialah pelaburan di mana sebahagian besar daripada dana dilaburkan dalam instrumen pendapatan tetap yang dikeluarkan oleh institusi kewangan manakala jumlah bakinya dilaburkan dalam instrumen yang dikaitkan dengan prestasi satu atau lebih harga pasaran ekuiti atau indeks yang mempunyai risiko ketara yang akan mempengaruhi prestasi instrumen ini. Pelaburan berstruktur dibawa pada nilai saksama yang disebut harga oleh pihak yang berurusan berasaskan model penilaian khusus pada tarikh kunci kira-kira.

Sebarang peningkatan atau pengurangan dalam nilai pelaburan diambil kira dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan perniagaan berkaitan pelaburan.

(d) Aset tak ketara – perisian komputer

Lesen komputer yang dibeli dipermodalkan atas dasar kos yang ditanggung untuk memperolehi dan menggunakan perisian khusus. Kos ini dilunaskan sepanjang tempoh hayat guna anggaran selama 5 tahun.

Kos yang dikaitkan dengan penyenggaraan program perisian komputer diiktiraf sebagai belanja apabila ditanggung. Kos yang dikaitkan secara langsung dengan produk perisian unik dan boleh dikenal pasti yang dikawal oleh Syarikat, dan yang mungkin menghasilkan manfaat ekonomi melebihi kos selama lebih setahun, diiktiraf sebagai aset tak ketara. Kos ini termasuk kos kakitangan yang ditanggung kerana membangunkan perisian dan bahagian overhead berkenaan yang sewajarnya.

Kos pembangunan perisian komputer yang diiktiraf sebagai aset dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang hayat guna anggaran selama 5 tahun.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar Kewangan Penting (sambungan)

(e) Kerosotan nilai aset

Aset yang mempunyai hayat guna tidak terhad tidak perlu dilunaskan dan diuji setiap tahun bagi kerosotan nilai. Aset yang perlu dilunaskan dikaji bagi kerosotan nilai apabila terdapat kejadian atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa nilai dibawa tidak boleh diperolehi. Kerugian kerosotan nilai diiktiraf bagi jumlah di mana nilai dibawa aset melebihi jumlah yang boleh diperolehi. Nilai yang boleh diperolehi ialah nilai saksama aset ditolak kos jualan atau nilai kegunaan, yang mana lebih tinggi. Untuk tujuan mentaksirkan kerosotan nilai, aset dikumpulkan pada peringkat paling rendah di mana terdapat aliran tunai berasingan yang boleh dikenal pasti (unit penajaan tunai). Aset bukan kewangan selain daripada muhibah yang mengalami kerosotan nilai dikaji untuk membalikan kerosotan nilai pada setiap tarikh laporan.

Kerugian kerosotan nilai dimasukkan dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil melainkan ia membalikkan penilaian semula sebelum ini dan dalam kes itu ia dimasukkan sebagai caj daripada lebihan penilaian semula. Sebarang kenaikan seterusnya kepada nilai yang boleh diperolehi diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil melainkan ia membalikkan kerugian kerosotan nilai sesuatu aset yang dinilai semula dan dalam kes tersebut ia dimasukkan dalam lebihan penilaian semula.

(f) Penghutang

Belum terima perdagangan dibawa pada jumlah diinvois ditolak peruntukan hutang ragu.

Hutang lapuk yang diketahui dihapus kira dan peruntukan khusus dibuat bagi sebarang premium, termasuk baki ejen atau baki insurans semula yang masih belum jelas dalam tempoh enam bulan dari tarikh ia dihutang dan peruntukan khusus juga dibuat bagi semua hutang yang dianggap sebagai hutang ragu.

(g) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, bonus dan manfaat bukan kewangan terakru dalam tahun kewangan di mana perkhidmatan berkaitan disediakan oleh kakitangan Syarikat.

(ii) Pelan caruman wajib

Pelan caruman wajib ialah pelan pencen di mana Syarikat membayar caruman tetap ke dalam entiti berasingan (dana). Syarikat tidak mempunyai kewajipan perundangan atau konstruktif untuk membuat caruman lanjut jika dana tidak mempunyai aset secukupnya untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan pada tahun kewangan semasa dan terdahulu.

Caruman Syarikat kepada pelan caruman wajib dimasukkan dalam penyata pendapatan bagi tahun kewangan yang berkaitan dengannya. Apabila caruman telah dibuat, Syarikat tidak mempunyai sebarang kewajipan pembayaran lanjut.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

(h) Keputusan pengunderaitan insurans hayat

Lebihan yang dipindahkan daripada dana insurans hayat kepada penyata pendapatan adalah berasaskan lebihan yang ditentukan oleh penilaian aktuari tahunan ke atas liabiliti jangka panjang pemegang polisi, yang dibuat menurut peruntukan Akta Insurans 1996 oleh aktuari yang dilantik oleh Syarikat. Sekiranya penilaian aktuari menunjukkan bahawa pemindahan diperlukan daripada dana Pemegang Saham, pemindahan daripada penyata pendapatan kepada dana insurans hayat dibuat pada tahun kewangan penilaian aktuari tersebut.

Pendapatan premium

Pendapatan premium termasuk premium yang diiktiraf dalam dana Hayat dan dana berkaitan Pelaburan.

Pendapatan premium dana Hayat diiktiraf sejurus selepas jumlah premium boleh diukur dengan cara yang boleh dipercayai. Premium pertama diiktiraf dari tarikh permulaan dan premium seterusnya diiktiraf apabila matang.

Pada akhir tahun kewangan, semua premium yang matang dikira setakat mana ia boleh diukur dengan cara yang boleh dipercayai.

Premium insurans semula keluar diiktiraf dalam tempoh perakaunan sama seperti polisi asal yang berkaitan dengan insurans semula tersebut.

Pendapatan premium dana berkaitan pelaburan adalah berhubung dengan penciptaan bersih unit yang mewakili premium yang dibayar oleh pemegang polisi sebagai bayaran bagi kontrak baru atau bayaran seterusnya untuk meningkatkan jumlah kontrak. Penciptaan bersih unit diiktiraf apabila diterima.

Perbelanjaan komisen dan agensi

Perbelanjaan komisen dan agensi, yang merupakan kos yang ditanggung secara langsung untuk mendapatkan premium bagi polisi insurans, ditolak pendapatan yang diperolehi daripada penanggung insurans semula kerana menyerahkan premium kepadanya, dimasukkan sebagai caj dalam akaun hasil insurans hayat pada tahun kewangan ia ditanggung.

Peruntukan bagi tuntutan

Tuntutan dan kos penjelasan yang ditanggung pada tahun kewangan diiktiraf apabila kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan telah berlaku dan/atau penanggung insurans dimaklumkan tentang tuntutan.

Kutipan bagi tuntutan insurans semula diambil kira dalam tahun kewangan sama seperti apabila tuntutan asal diiktiraf.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

(h) Keputusan pengunderaitan insurans hayat (sambungan)

Peruntukan bagi tuntutan (sambungan)

Tuntutan dan peruntukan bagi tuntutan yang timbul daripada polisi insurans hayat termasuk kos penjelasan, ditolak kutipan insurans semula, diambil kira mengikut kes dan untuk tujuan ini, manfaat yang dibayar di bawah polisi insurans hayat diiktiraf seperti berikut:

- (a) kematangan atau bayaran manfaat polisi lain yang matang pada tarikh yang dinyatakan dianggap sebagai tuntutan perlu dibayar pada tarikh matang; dan
- (b) kematian, serahan dan manfaat lain tanpa tarikh matang dianggap sebagai tuntutan perlu dibayar, pada tarikh penerimaan maklumat kematian pemegang insurans atau apabila berlakunya perkara luar jangkaan yang diilindungi.

Manfaat yang perlu dibayar di bawah perniagaan berkaitan pelaburan adalah berhubung dengan pembatalan unit bersih dan diiktiraf sebagai serahan.

(i) Pengiktirafan hasil lain

Pendapatan faedah atas pinjaman diiktiraf secara akruan kecuali apabila pinjaman dianggap sebagai tidak berbayar, iaitu jika bayaran tertunggak selama enam bulan, di mana dalam kes tersebut pengiktirafan faedah akan digantung. Selepas penggantungan, faedah diiktiraf apabila diterima sehinggalah semua tunggakan telah dijelaskan.

Pendapatan sewa diiktiraf secara akruan kecuali apabila berlaku kegagalan bayaran sewa dan sewa yang perlu dibayar masih belum dibayar selama lebih daripada enam bulan, dan dalam kes tersebut pengiktirafan pendapatan sewa akan digantung. Selepas penggantungan, pendapatan akan diiktiraf apabila diterima sehingga semua tunggakan telah dijelaskan.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran telah ditentukan.

Keuntungan atau kerugian yang timbul akibat pelupusan pelaburan dikreditkan atau dimasukkan dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

(j) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan berasaskan undang-undang cukai dalam bidang kuasa di mana Syarikat beroperasi dan termasuk semua cukai berasaskan keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara yang timbul antara jumlah yang dikaitkan kepada aset dan liabiliti untuk tujuan cukai dan nilai dibawa dalam penyata kewangan.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai boleh didapati untuk menolak perbezaan sementara yang boleh ditolak atau kerugian cukai yang tidak digunakan.

Kadar cukai yang digubal atau digubal secara substantif dalam kunci kira-kira digunakan untuk menentukan cukai tertunda.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

(k) Mata wang asing

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan mata wang fungsian dan pembentangan Syarikat.

Urus niaga mata wang asing Syarikat diterjemahkan ke dalam mata wang fungsian menggunakan kadar faedah yang berkuatkuasa pada tarikh urus niaga. Aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing diterjemahkan pada kadar tukaran diguna pakai pada tarikh kunci kira-kira. Perbezaan tukaran yang timbul daripada penjelasan urus niaga mata wang asing dan daripada penterjemahan aset dan liabiliti mata wang asing dimasukkan dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

(l) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dan baki bank, tidak termasuk deposit tetap dan panggilan, yang mudah ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(m) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai kewajipan semasa akibat peristiwa masa lepas dan terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mewakili manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menjelaskan kewajipan tersebut, dan anggaran boleh dipercayai tentang jumlah tersebut boleh dibuat. Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh kunci kira-kira dan dilaraskan untuk mencerminkan anggaran semasa yang terbaik.

(n) Instrumen kewangan

(i) Objektif, strategi dan dasar pengurusan risiko kewangan

Aktiviti Syarikat mendedahkannya kepada pelbagai risiko. Ini termasuk risiko insurans, risiko harga, risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kredit dan risiko kecairan. Matlamat pengurusan risiko keseluruhan Syarikat ialah untuk menjaga kepentingan pemegang polisi dan pemegang saham.

Risiko Insurans

Kegiatan utama Syarikat ialah menyediakan perlindungan insurans terhadap risiko seperti kematian, penyakit, kehilangan upaya dan kemalangan peribadi. Risiko kematian dan penyakit diuruskan menerusi penilaian risiko sebelum sesuatu polisi diunderait. Pendedahan pengunderaitan maksimum dihadkan menerusi pengecualian, had perlindungan dan perjanjian insurans semula.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

(n) Instrumen kewangan (sambungan)

(i) Objektif, strategi dan dasar pengurusan risiko kewangan (sambungan)

Risiko penetapan harga

Risiko ini merupakan risiko ketidakcukupan premium. Penetapan semula harga produk dilakukan dalam selang masa dua (2) tahun atau lebih awal, jika diperlukan. Kajian pengalaman dilakukan untuk menentukan andaian realistik. Ujian tekanan dan penilaian rizab bonus dilakukan oleh aktuari yang dilantik untuk menilai kedudukan kecairan. Tambahan lagi, mandat pelaburan yang memberikan panduan terhadap dasar dan garis panduan pelaburan dikaji dari masa ke masa dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan dan juga para Pengarah.

Risiko kadar faedah

Pendedahan kadar faedah timbul daripada kegiatan pelaburan Syarikat dalam instrumen faedah. Memandangkan perubahan dalam kadar faedah boleh mempengaruhi pendapatan, risiko diuruskan dengan memberi tumpuan kepada usaha mencapai pulangan pelaburan jangka panjang yang dikehendaki menerusi portfolio yang terpelbagai. Jawatankuasa Pelaburan mengkaji persekitaran kadar faedah dan melaraskan strategi pelaburan dan harga untuk memastikan pemadanan sesuai bagi aset dan liabiliti syarikat.

Risiko pasaran

Risiko pasaran ialah risiko kerugian ekoran perubahan negatif dalam harga pasaran instrumen kewangan. Risiko ini timbul daripada pegangan ekuiti, instrumen hutang dan instrumen kewangan lain. Risiko ini diuruskan menerusi pemelbagaian dan pemantauan ketat oleh Jawatankuasa Pelaburan dari segi syarat peruntukan aset dan perubahan yang dibuat kepada mandat pelaburan.

Risiko kredit

Risiko kredit ialah risiko kerugian kerana kegagalan pihak bertimbal untuk memenuhi kewajipan pembayaran. Risiko ini timbul apabila instrumen kewangan dibeli dan perlindungan diberikan berasaskan syarat kredit tertunda. Syarikat mengguna pakai strategi pelaburan teliti untuk mengurangkan risiko kegagalan pembayaran.

Risiko kecairan

Ini merupakan risiko di mana Syarikat tidak dapat memenuhi kewajipan kewangan apabila ia matang. Tahap kecairan yang secukupnya dikekalkan menerusi unjuran aliran tunai berkala dan pengurusan aktif aliran masuk dan aliran keluar tunai. Oleh sebab liabiliti Syarikat umumnya berbentuk jangka panjang, strategi pelaburan dirangka untuk menjamin penunaian kewajipan ini apabila ia matang.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

(n) Instrumen Kewangan (sambungan)

(i) Objektif, strategi dan dasar pengurusan risiko kewangan (sambungan)

Risiko mata wang

Risiko mata wang ialah risiko bahawa nilai pelaburan yang dipegang oleh Syarikat akan turun naik kerana perubahan dalam kadar tukaran asing. Risiko ini timbul kerana pegangan amanah saham dan sekuriti syarikat yang disebut harga di luar Malaysia. Jawatankuasa Pelaburan memantau dengan teliti pergerakan tukaran asing dan strategi pelaburan instrumen kewangan asing untuk memastikan pepadanan sewajarnya antara aset dan liabiliti Syarikat.

(ii) Nilai saksama

Instrumen kewangan ialah sebarang kontrak yang menimbulkan kedua-dua aset kewangan bagi satu perusahaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi perusahaan lain. Nilai saksama ialah jumlah di mana sesuatu aset kewangan boleh ditukar atau liabiliti kewangan boleh dijelaskan antara pihak yang maklum dan sanggup dalam urus niaga tulus. Maklumat yang dibentangkan di dalam ini mewakili anggaran nilai saksama pada tarikh kunci kira-kira.

Sekiranya boleh didapati, harga pasaran yang disebut harga dan boleh diperhatikan digunakan sebagai ukuran nilai saksama. Jika harga pasaran yang disebut harga dan diperhatikan tidak wujud, nilai saksama dianggarkan berasaskan beberapa metodologi dan andaian tentang ciri risiko pelbagai instrumen kewangan, kadar diskaun, anggaran aliran tunai masa depan dan faktor lain.

(o) Aset yang dipegang untuk jualan

Aset bukan semasa diklasifikasikan sebagai aset yang dipegang untuk jualan dan dinyatakan pada jumlah lebih rendah antara nilai dibawa dan nilai saksama ditolak kos untuk menjual jika nilai dibawa boleh diperolehi menerusi urus niaga jualan dan bukannya menerusi penggunaan berterusan.

(p) Prabayar sewa tanah

Bayaran untuk hak menggunakan tanah dan bangunan sepanjang tempoh yang telah ditetapkan terlebih dahulu diklasifikasikan sebagai hartanah pajakan prabayar dan dinyatakan pada kos ditolak pelunasan dan kemerosotan nilai terkumpul. Hartanah pajakan prabayar dilunaskan atas dasar garis lurus sepanjang tempoh 99 tahun.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.3 Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting

Anggaran dan pertimbangan terus dinilai oleh Pengarah dan berasaskan pengalaman sejarah dan faktor lain, termasuk jangkaan kejadian masa depan yang dipercayai munasabah dalam keadaan tertentu.

Anggaran dan andaian perakaunan penting

Syarikat membuat andaian dan anggaran berkenaan dengan masa depan. Akaun yang dicatat dari segi definisi lazimnya jarang bersamaan dengan keputusan sebenar yang berkaitan. Untuk menambah baik kandungan maklumat anggaran, pembolehubah penting tertentu yang dijangka memberi kesan penting terhadap keputusan dan kedudukan Syarikat diuji untuk sensitiviti kepada perubahan dan parameter asas. Andaian dan anggaran yang mempunyai risiko besar menyebabkan pelarasan ketara kepada nilai dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang dijelaskan di bawah.

(i) Liabiliti perniagaan insurans

Bagi kontrak insurans hayat, anggaran dibuat bagi kematian, kehilangan upaya, penamatan sukarela, pulangan pelaburan dan belanja pentadbiran masa depan. Prinsip di mana penilaian liabiliti aktuari dibuat ditentukan oleh aktuari yang dilantik mengikut Peraturan Insurans 1996. Dalam kes polisi hayat di mana asas penilaian minimum dinyatakan di bawah Peraturan Insurans 1996, rizab ditubuhkan supaya ia tidak jatuh di bawah rizab yang ditentukan atas dasar penilaian minimum. Bagi polisi lain di mana jenis manfaat menunjukkan bahawa asas penilaian minimum tidak boleh diguna pakai, rizab ditubuhkan supaya rizab ini, bersama dengan premium masa depan, adalah cukup untuk menanggung liabiliti polisi pada masa depan.

Jadual mortaliti yang digunakan bagi polisi hayat ialah [Jadual Mortaliti Muktamad](#) [Jadual Mortaliti Penilaian Berkanun 1996](#). Kadar faedah yang diandaikan ialah 4% setahun bagi premium biasa dan 4.5% bagi premium tunggal.

Bagi polisi modal tidak terjamin berkaitan pelaburan, rizab bukan unit ditentukan daripada bahagian belum diraih kos bulanan insurans dan rizab tambahan sebagai nilai kini manfaat dan perbelanjaan masa depan, yang dikurangkan oleh nilai semasa bagi caj masa depan. Jadual mortaliti yang digunakan adalah berasaskan 100% daripada M83-88 (Malaysia 1983-1988) dengan kadar faedah 4%.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.3 Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting (sambungan)

(i) Liabiliti perniagaan insurans (sambungan)

Bagi polisi modal terjamin berkaitan pelaburan, rizab bukan unit berasaskan kaedah penilaian premium bersih adalah bersamaan dengan nilai kini jumlah risiko masa depan pada 25% atau 10%, bergantung pada usia, Premium Tunggal Asal dan belanja penyenggaraan. Rizab tambahan yang diperlukan dikira berasaskan perbezaan antara Nilai Semasa manfaat (termasuk jaminan tersurat wang pokok dan faedah) dan jumlah Rizab Unit dan Rizab Bukan Unit Dana. Jika Nilai Kini Manfaat adalah lebih rendah daripada jumlah Rizab Unit dan Bukan Unit, maka tiada rizab tambahan diperlukan.

Nilai Kini Manfaat adalah nilai lebih besar di antara kedua-dua kaedah berikut:

1. Nilai kini manfaat berasaskan jaminan tersurat atas kadar faedah penilaian minimum 4.5%.
2. Nilai kini manfaat berasaskan jaminan tersurat atas kadar faedah masa depan yang dihasilkan secara stokastik pada tahap keyakinan 75%.

Sekiranya pihak pengawal selia menukar andaian yang dinyatakan, dengan semua perkara lain tetap sama, maka pengurangan dalam andaian faedah akan meningkatkan liabiliti aktuari yang dikira. Sebaliknya, peningkatan (iaitu kemerosotan) dalam andaian kematian akan (dalam kebanyakan jenis pelan) meningkatkan liabiliti aktuari yang dikira. Disebabkan risiko ketidakpastian yang sedia wujud dalam kewajipan ini, peruntukan bagi liabiliti masa depan mungkin berbeza secara ketara daripada anggaran.

Pada setiap tarikh laporan, anggaran ini dinilai semula bagi menentukan kecukupannya dan perubahan akan dimasukkan sebagai pelarasan kepada liabiliti. Selain daripada keputusan yang dijangkakan, margin kecairan yang ditetapkan di bawah peraturan termasuk dalam anggaran penting ini.

Pertimbangan penting apabila mengguna pakai dasar perakaunan entiti

Dalam menentukan dan mengguna pakai dasar perakaunan, pertimbangan sering perlu dibuat berkenaan dengan butiran di mana pilihan dasar tertentu akan mempengaruhi keputusan yang dilaporkan dan kedudukan kewangan Syarikat dengan ketara. Namun begitu, para Pengarah berpendapat bahawa buat masa ini tiada dasar perakaunan yang memerlukan pertimbangan besar.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.3 Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting (sambungan)

2.4 Perubahan dalam dasar perakaunan

Senarai piawaian perakaunan baru, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran piawaian sedia ada yang berkuatkuasa ke atas syarikat bagi tahun kewangan bermula pada 1 April 2007 dibentangkan pada Nota 2.1.

Perubahan penting dalam dasar perakaunan adalah seperti berikut:

(a) FRS 117 Pajakan

Penggunaan FRS 117 yang disemak semula telah menyebabkan perubahan retrospektif dalam dasar perakaunan berkaitan dengan klasifikasi tanah pegangan pajak. Bayaran muka yang dibuat bagi tanah pegangan pajak mewakili prabayaran pajakan dan dilunaskan atas dasar garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Sebelum 1 April 2007, tanah pegangan pajak diklasifikasikan sebagai harta, loji dan kelengkapan dan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai.

Selepas penggunaan FRS 117 yang disemak semula, jumlah belum dilunaskan hartanah pegangan pajak dikekalkan sebagai jumlah dibawa gantian bagi prabayaran pajakan, seperti yang dibenarkan di bawah peruntukan sementara FRS 117. Klasifikasi hartanah pegangan pajak sebagai hartanah prabayaran pajakan telah dikira secara retrospektif dan jumlah perbandingan pada 31 Mac 2007 dinyatakan semula seperti berikut:

	Seperti dinyatakan sebelum ini RM'000	Kesan atas penggunaan FRS117 RM'000	Seperti dinyatakan semula RM'000
Kunci kira-kira pada 31 Mac 2007			
Harta, loji dan kelengkapan	265	(265)	-
Prabayar sewa tanah	-	265	265
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

3 HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN

Dana pemegang saham

	Tanah hak milik kekal RM'000	Bangunan RM'000	Jumlah RM'000
<u>Pada penilaian</u> Pada 1 April 2007 / 31 Mac 2008	1,200	600	1,800

Susut nilai terkumpul

Pada 1 April 2007	-	-	-
Susut nilai	-	18	18
Pada 31 Mac 2008	-	18	18

Nilai buku bersih

Pada 31 Mac 2008	1,200	582	1,782
------------------	-------	-----	-------

	Tanah hak milik kekal RM'000	Bangunan RM'000	Jumlah RM'000
<u>Pada penilaian</u> Pada 1 April 2006	1,000	500	1,500
Hapus kira susut nilai terkumpul terhadap penilaian	-	(90)	(90)
Lebihan penilaian semula	200	190	390
Pada 31 Mac 2007	1,200	600	1,800

Susut nilai terkumpul

Pada 1 April 2006	-	60	60
Susut nilai terkumpul	-	30	30
Hapus kira susut nilai terkumpul terhadap penilaian	-	(90)	(90)
Pada 31 Mac 2007	-	-	-

Nilai buku bersih

Pada 31 Mac 2007	1,200	600	1,800
------------------	-------	-----	-------

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

3 HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)

Dana hayat

	Tanah hak milik kekal	Bangunan hak milik kekal	Perabot, lekapan, kelengkap an dan alatan pejabat	Kenderaan bermotor	Jumlah
<u>Kos/penilaian</u>	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 April 2007	7,850	4,335	12,439	1,179	25,803
Penambahan	-	33	961	565	1,559
Pelupusan	-	-	(112)	(198)	(310)
Pada 31 Mac 2008	7,850	4,368	13,288	1,546	27,052

Susut nilai terkumpul

Pada 1 April 2007	-	-	9,628	571	10,199
Caj susut nilai	-	86	1,375	67	1,528
Pelupusan	-	-	(42)	(177)	(219)
Pada 31 Mac 2008	-	86	10,961	461	11,508

Nilai buku bersih

Pada 31 Mac 2008	7,850	4,282	2,327	1,085	15,544
------------------	-------	-------	-------	-------	--------

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

3 HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)

Dana hayat

Kos/penilaian	Tanah	Bangunan	Perabot, lekap an dan kelengkap an dan alatan pejabat	Kenderaan bermotor	Jumlah
	hak milik kekal	hak milik kekal	RM'000	RM'000	
Pada 1 April 2006	4,350	4,335	12,104	1,181	21,970
Penambahan	-	-	414	159	573
Pelupusan	-	-	(79)	(161)	(240)
Hapus Kira susut nilai terkumpul terhadap kos / penilaian	-	(183)	-	-	(183)
Lebih penilaian semula	3,500	183	-	-	3,683
Pada 31 Mac 2007	7,850	4,335	12,439	1,179	25,803

Susut nilai terkumpul

Pada 1 April 2006	-	122	8,183	635	8,940
Caj susut nilai	-	61	1,545	67	1,673
Pelupusan	-	-	(100)	(131)	(231)
Hapus Kira susut nilai terkumpul terhadap penilaian	-	(183)	-	-	(183)
Pada 31 Mac 2007	-	-	9,628	571	10,199

Nilai buku bersih

Pada 31 Mac 2007	7,850	4,335	2,811	608	15,604
------------------	-------	-------	-------	-----	--------

- (a) Tanah dan bangunan telah dinilai semula pada 2007 berasaskan nilai pasaran terbuka hartanah atas dasar penggunaan sedia ada yang dilakukan oleh jurunilai profesional bebas, Knight Frank, Jurunilai Berdaftar (V-335). Penilaian hartanah diguna pakai oleh Pengarah pada 31 Mac 2007 dan lebih penilaian semula dan kesan cukai yang berkaitan adalah seperti berikut:

	Dana pemegang saham RM'000	Dana hayat RM'000
Lebih penilaian semula	390	3,739
Cukai tertunda	(105)	(300)
Lebih penilaian semula bersih dibawa ke rizab	285	3,439

- (b) Sekiranya tanah dan bangunan pegangan bebas telah dibawa pada kos sejarah ditolak susut nilai terkumpul, jumlah dibawa yang dimasukkan dalam penyata kewangan pada akhir tahun kewangan ialah RM1,440,000 (2007: RM1,458,000) dan RM1,969,967 (2007: RM2,035,125) masing-masing bagi dana pemegang saham dan dana hayat.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

4 ASET TAK KETARA

Dana hayat

	2008	2007
	RM'000	RM'000
<u>Nilai buku bersih</u>		
Pada awal tahun kewangan	288	-
Penambahan pada kos	-	360
Caj pelunasan	(72)	(72)
Pada akhir tahun kewangan	<u>216</u>	<u>288</u>
 <u>Pada 31 Mac</u>		
Kos	360	360
Pelunasan terkumpul	(144)	(72)
Nilai buku bersih	<u>216</u>	<u>288</u>

5 HARTANAH PELABURAN

Dana hayat

	2008	2007
	RM'000	RM'000
<u>Kos/penilaian</u>		
Pada awal tahun kewangan	8200	7,481
Keuntungan nilai saksama – bersih (Nota 20)	-	719
Pada akhir tahun kewangan	<u>8,200</u>	<u>8,200</u>
 Terdiri daripada:		
- Bangunan pegangan pajak	<u>8,200</u>	<u>8,200</u>
	<u>8,200</u>	<u>8,200</u>

Hartanah pelaburan dinilai pada 2007 pada nilai saksama berasaskan nilai pasaran terbuka hartanah atas dasar penggunaan sedia ada yang dibuat oleh jurunilai bebas yang bertauliah. Penilaian hartanah ini telah diguna pakai oleh Pengarah pada 31 Mac 2007. Berasaskan penilaian yang dibuat oleh Pengarah, nilai saksama hartanah pelaburan pada 31 Mac 2008 adalah tidak berbeza secara ketara daripada penilaian 2007.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

6 PRABAYAR SEWA TANAH

Dana hayat

	<u>2008</u>	<u>2007</u>
	RM'000	RM'000
Pada awal tahun kewangan	265	211
Caj pelunasan	(3)	(2)
Lebih penilaian semula	56	56
Pada akhir tahun kewangan	<u>262</u>	<u>265</u>

Deleted: -

7 PELABURAN

Dana pemegang saham

	<u>2008</u>		<u>2007</u>	
	Nilai	Nilai	Nilai	Nilai
	dibawa	saksama	Dibawa	Saksama
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Sekuriti disebut harga:				
Disebut harga di Malaysia:				
Saham/Waran, pada kos	22,041		5,570	
Peruntukan bagi				
pengurangan nilai	<u>(4,749)</u>		-	
	<u>17,292</u>	<u>17,292</u>	<u>5,570</u>	<u>6,851</u>
Amanah pelaburan hartanah				
pada kos	<u>768</u>	<u>797</u>	<u>768</u>	<u>825</u>
Sekuriti tidak disebut harga:				
Sekuriti hutang korporat,				
pada kos	9,827		9,827	
Pertambahan diskaun selepas				
ditolak pelunasan premium	<u>645</u>		<u>439</u>	
	<u>10,472</u>	<u>10,688</u>	<u>10,266</u>	<u>10,189</u>
Deposit tetap dan panggilan				
dengan:				
Bank berlesen	<u>7,041</u>		<u>25,309</u>	
Jumlah pelaburan	<u>35,573</u>		<u>41,913</u>	

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2008 (SAMBUNGAN)

7 PELABURAN (SAMBUNGAN)

Dana hayat

	2008		2007	
	Nilai dibawa RM'000	Nilai saksama RM'000	Nilai dibawa RM'000	Nilai saksama RM'000
Sekuriti Kerajaan Malaysia, pada kos	76,345		81,186	
Pelunasan premium selepas ditolak pertambahan diskaun	(323)		(175)	
	<u>76,022</u>	<u>77,795</u>	<u>81,011</u>	<u>83,451</u>
Sekuriti disebut harga: Disebut harga di Malaysia: Saham/waran, pada kos	182,216		78,447	
Peruntukan bagi pengurangan nilai	(27,781)		-	
	<u>154,435</u>	<u>154,435</u>	<u>78,447</u>	<u>90,233</u>
Amanah pelaburan hartanah, pada kos	9,836		16,350	
Peruntukan bagi pengurangan nilai	-		(1,107)	
	<u>9,836</u>	<u>10,847</u>	<u>15,243</u>	<u>15,243</u>
Sekuriti tidak disebut harga:				
Sekuriti hutang korporat, pada kos	442,013		336,460	
Pertambahan diskaun selepas Ditolak pelunasan premium	7,440		6,285	
Peruntukan bagi pengurangan nilai	(1,073)		(1,253)	
